

Bajet 2020: Fokus isu kesesakan, bekalan air, hospital

Semoga ada berita baik untuk rakyat Melaka pada Bajet 2020

Kerajaan negeri akan menilai semula manifesto yang masih belum ditunaikan pada Bajet 2020 yang akan dibentang tidak lama lagi. Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, pihaknya sedang merangka belanjawan negeri berfokus kepada aspek belia, wanita dan kebajikan. Menurutnya, penambahbaikan peruntukan pembangunan juga akan diambil kira pada bajet berkenaan.

“Jika tahun lalu kita peruntukkan RM5 juta, kali ini kita harap ia dapat ditingkatkan walaupun secara keseluruhan ia belum muktamad,” katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas lawatan ke Pejabat Badan Sukarelawan At-Taqwa, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) di sini, hari ini.

Tambah beliau, masalah kesesakan lalu lintas akan diberikan keutamaan pada bajet kali ini. “Jalan baru dari Hatten ke Semabok antara keperluan kerana sebahagian besar ia menguraikan kesesakan lalu lintas di negeri ini. “Begitu juga pembangunan lain seperti Tasik Biru, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak,” katanya.
